

**Dr. Shameem Dilantik Pengarah MARCOM**

Prof. Madya Dr. Shameem Rafik-Galea.

SERDANG, 3 Jun - Universiti Putra Malaysia (UPM) melantik Prof. Madya Dr. Shameem Rafik-Galea sebagai Pengarah Pejabat Pemasaran dan Komunikasi (MARCOM) yang mengandungi entiti Pejabat Pemasaran & Promosi dan entiti Bahagian Komunikasi Korporat (BKK) berkuatkuasa pada 1 Mei lalu.

Penubuhan Pejabat MARCOM pada tahun ini hasil daripada perubahan dan peluasan fungsi yang lebih strategik serta penyusunan semula organisasi selari dengan Pelan Strategi UPM.

Dr. Shameem yang berkelulusan Cert. Ed. (Language Institute, Lembah Pantai, Kuala Lumpur), B.A. (Southern Illinois University), M.A. (Southern Illinois University) dan Ph.D. (Leicester) merupakan mantan Ketua Jabatan Bahasa Inggeris, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi UPM sejak tahun 2006 dan mula berkhidmat di UPM sejak tahun 1990 selepas berkhidmat di Universiti Teknologi Malaysia (UTM) (1985-1990).

Beliau juga pernah menjadi Pengurus 'International Conference on Thinking' (ICOT) 14th 2009 dengan membawa Malaysia menjadi tuan rumah buat pertama kali sejak 22 tahun ICOT diperkenalkan.

Di antara matlamat yang akan menjadi tanggungjawabnya ialah meningkatkan keberkesanan pelaksanaan aktiviti pemasaran khususnya bagi promosi dan pengiklanan aspek pengajaran, penyelidikan dan perkhidmatan professional.

Selain itu Dr. Shameem juga bertanggungjawab memperkuatkannya imej universiti melalui aktiviti komunikasi korporat seperti perhubungan awam dan antarabangsa, majlis universiti, publisiti, media, penerbitan korporat dan elektronik.

"Tanggungjawab saya ialah memastikan pendekatan dan pelaksanaan Pelan Strategi MARCOM lebih strategik bagi menyokong visi UPM menjadi universiti bereputasi antarabangsa.

"Saya bukan sahaja merancang, menyelaras dan melaksanakan pelbagai aktiviti promosi dan pemasaran tetapi juga memastikan aktiviti penjenamaan UPM dilaksanakan berkesan dengan mengenalpasti sumber, permasalahan, objektif dan key result areas yang lebih menyeluruh dan bersepadan," katanya ketika dihubungi.

Berita disediakan oleh Seksyen Media, Bahagian Komunikasi Korporat (Khairul

Anuar Muhamad Noh 03-89467649 / foto oleh Ahmad Fua'ad Alwi 89466199).

Hak Cipta Terpelihara 2007
Universiti Putra Malaysia